

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 38

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengetatkan undang-undang dan mengelakkan kes penipuan sijil pengajian daripada berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu yang semakin menjadi-jadi ketika ini, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

Antara langkah-langkah yang diambil ialah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyak menawarkan atau menjual sijil palsu, perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi penguatkuasaan lain, memberi penerangan dari semasa ke semasa kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran, semakan status

SOALAN NO: 38

program melalui *Malaysia Qualification Agensi* (MQA) atau menggalakkan penggunaan teknologi dan ciri keselamatan terkini bagi menjamin ketulenan sijil dan lain-lain lagi.

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta pula, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas IPTS bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996). Bagi kes-kes pemalsuan ijazah yang pernah dilaporkan, ianya disiasat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.

RJM 32